

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JKE 411 - Ekonomi Buruh

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA BELAS** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Jawab **Soalan 1** di Bahagian A dan mana-mana **DUA** daripada Bahagian B.
3. Jangan ceraikan mana-mana muka surat soalan kerana calon **WAJIB** menyerahkan kembali keseluruhan kertas soalan ini setelah tamat peperiksaan ini.
4. Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang-ruang yang disediakan pada kertas soalan ini. Bahagian ini menyumbangkan 60 markah. Baca arahan tiap-tiap bahagian tentang cara menjawab soalan itu sebelum anda menjawab.
5. Bagi soalan Bahagian B, tulis jawapan anda dalam kertas peperiksaan yang disediakan. Bahagian ini menyumbangkan 40 markah.
6. Jawapan yang tidak menunjukkan jalan penghitungan tidak akan mendapat markah sepenuhnya.
7. Mesin hitung elektronik boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

BAHAGIAN A [60 Markah]**Soalan 1 [60 markah]**

Jawab SEMUA soalan di bahagian ini di ruang-ruang kosong yang disediakan.

[A] Diberikan maklumat-maklumat berikut:

P = jumlah penduduk berumur 16 hingga 64 tahun

E = penduduk yang berkerja

U = penduduk yang tidak bekerja

O = penduduk yang berada di luar tenaga buruh

Dengan menggunakan simbol-simbol yang diberikan itu:

[i] takrifkan konsep tenaga buruh, L:

$$L =$$

[2 markah]

[ii] takrifkan kadar penyertaan tenaga buruh, LFPR.

$$LFPR =$$


[2 markah]

[iii] takrifkan konsep kadar pengangguran, UR.

$$UR =$$

[2 markah]

[B] Rajah 1 berikut menunjukkan garisan upah dan keluk puas sama En. Rajin.



Rajah 1

[i] Apakah makna cerun keluk I_1 En. Rajin di titik B?

[2 markah]

[ii] Bagaimanakah caranya En. Rajin boleh memperuntukkan semula pilihan masa lapang-pendapatannya bagi memaksimumkan utilitinya?

[2 markah]

[C] Andaikanlah masa lapang ialah barang normal.

[i] Terangkan secara ringkas bagaimana kenaikan kadar upah akan menyebabkan masa bekerja yang ditawarkan oleh seseorang individu itu boleh bertambah.



[3 markah]


[ii] Kesan penggantian daripada kenaikan upah sentiasa negatif. Bagaimanakah anda mentafsirkan kenyataan ini? Jelaskan secara ringkas.

[3 markah]

[iii] Bagaimanakah hubungan kesan pendapatan dan kesan penggantian daripada kenaikan itu yang boleh menyebabkan terjadinya keluk penawaran buruh yang bengkok ke belakang?

[2 markah]

[D] Rajah 2, menunjukkan keseimbangan peruntukan masa lapang-pendapatan En. Kerja di titik A.



Rajah 2

- [i] Katalah bapa saudara En. Kerja meninggal dunia dan meninggalkan sekeping tanah yang memberikan hasil RM200 sebulan. Lukiskan secara kasar keluk garisan belanjawan baru bagi En. Kerja. Label garisan belanjawan baru En. Kerja itu dengan jelas. [3 markah]
- [ii] Lukiskan keseimbangan baru di atas garisan kekangan belanjawan baru En. Kerja yang akan menunjukkan dia menambahkan masa bekerjanya. [2 markah]
- [iii] Berdasarkan keadaan dalam bahagian [ii], terangkan secara ringkas bagaimana anggapan En. Kerja terhadap masa lapang. [2 markah]

[E] Auta & Co., sekarang mengeluarkan outputnya dalam pasaran keluaran yang tidak sempurna. Jadual berikut menunjukkan data yang berkaitan dengan syarikat berkenaan. Dalam jadual tersebut, TP = jumlah keluaran, MP = keluaran sut, TR = jumlah keluaran, MRP = keluaran hasil sut, dan VMP = nilai keluaran sut.

Buruh	TP	MP	Harga	TR	MRP	VMP
1	15	15	2.60	39.00		
2	27	12	2.4	64.80		
3	36	9	2.20	79.20		
4	42	6	2.10	88.20		
5	45	3	2.00	90.00		
6	46	1	1.80	87.40		

Jadual 1

[i] Lengkapkan nilai MRP bagi Auta & Co. di dalam ruang yang berkenaan pada Jadual 1.

[2 markah]


[ii] Lengkapkan nilai VMP bagi Auta & Co. di dalam ruang yang berkenaan pada Jadual 1.

[2 markah]

[iii] Sekiranya firma ini membeli buruh dalam persaingan sempurna dan kadar upah sekarang ialah 9.00 seunit, berapakah kuantiti buruh yang akan memaksimumkan keuntungannya? Jelaskan secara ringkas jawapan anda.

[3 markah]

[F] Rajah 3 berikut menunjukkan keluk permintaan buruh sebuah firma.



Rajah 3

[i] Jika firma ini membeli buruh di dalam pasaran persaingan sempurna lukiskan keluk penawaran yang menghadapi firma ini. Labelkan keluk tersebut dengan simbol S_L .

[2 markah]

[ii] Tandakan keseimbangan kuantiti buruh yang akan memaksimumkan keuntungan firma ini dengan L^* .

[2 markah]


[iii] Dalam Rajah 3, labelkan keluk yang mewakili kos buruh purata (AWC), kos sut buruh (MWC) dan keluaran hasil sut (MRP).

[3 markah]

[iii] Sekarang, katalah firma ini menjual outputnya dalam pasaran yang tidak sempurna. Dengan melukiskan keluk MRP-nya yang baru, tunjukkan dalam Rajah 3, kuantiti penggunaan buruhnya yang baru. Tandakannya L_1 .

[2 markah]

[G] Rajah 4 berikut boleh mewakili keseimbangan berbagai-bagai jenis pasaran buruh yang dihadapi oleh sebuah firma..



Rajah 4

[i] Jika firma ini menjual keluarannya dalam pasaran persaingan dan membeli buruh juga dalam pasaran buruh yang berpersaingan, tandakan kadar upah keseimbangannya dengan W_0 , dan keseimbangan guna tenaganya dengan N_0 .

[2 markah]


[ii] Jika firma ini merupakan monopsoni dalam pasaran buruh dan menjual keluarannya dalam pasaran persaingan sempurna, tandakan tingkat guna tenaganya dengan N_1 dan kadar upah keseimbangannya dengan W_1 .

[2 markah]

[iii] Jika firma ini merupakan monopsoni dalam pasaran buruh dan merupakan pemonopoli dalam pasaran outputnya, tunjukkan bahawa kadar upah dan penggunaan buruh firma ini akan menjadi lebih rendah daripada firma yang bersaing dalam pasaran outputnya.

[2 markah]

[H] Rajah 5 berikut menunjukkan keseimbangan pasaran persaingan sempurna dalam pasaran buruh.



Rajah 5


[i] Andaikan sekarang pasaran ini terciri oleh monopsoni. Tunjukkan dalam Rajah 5, kadar upah dan tingkat guna tenaga yang akan terhasil, dengan melukiskan keluk-keluk yang berkenaan.

[3 markah]

[ii] Sekiranya satu kadar upah minimum dikenakan lebih tinggi daripada kadar upah keseimbangan ini apakah yang akan terjadi kepada tingkat guna tenaga? Jelaskan.

[3 markah]

[I] Rajah 6 menunjukkan keluk-keluk permintaan buruh, D = keluk permintaan buruh yang asal, D_1 = keluk permintaan bertambah, dan D_2 = keluk permintaan buruh yang berkurangan.



Rajah 6


[i] Lukiskan dalam Rajah 6 penyelesaian upah di antara kesatuan sekerja majikan yang menggunakan laluan keutamaan upah (WPP), apabila permintaan buruh berubah. Gunakan titik A sebagai titik permulaan.

[2 markah]

[ii] Jelaskan proses yang menimbulkan keluk laluan keutamaan upah (WPP) seperti yang anda lukiskan itu.

[2 markah]


[J] Dalam proses penyelesaian upah di bawah keadaan pengetahuan tidak sempurna di antara majikan dan kesatuan sekerja, bagaimanakah berlaku konsep "overshooting"? Jelaskan konsep overshooting itu dengan menggunakan Rajah 7.



Rajah 7

[3 markah]

1.1) Dalam faktor penyediaan air di bawah kondisi pengaliran air yang konstan dan tekanan atmosfer, bagaimana pengaruh suhu terhadap koefisien konveksi? Jawab: koefisien konveksi akan meningkat dengan meningkatnya suhu.



Gambar 1.1

1.2) Bagaimana pengaruh suhu terhadap koefisien konveksi? Jawab: koefisien konveksi akan meningkat dengan meningkatnya suhu.

(11/11)